

CNS1890

U PB 26-01 00146 BH047

BAH

Mahathir - Mahkamah

MAJLIS TERTINGGI UMNO AKUR KEPUTUSAN MAHKAMAH

KUALA LUMPUR, 26 Jan (Bernama) -- Majlis Tertinggi UMNO akur dengan keputusan Mahkamah Majistret Johor Baharu membebaskan Tunku Bendahara Johor, Tunku Abdul Majid Idris daripada tuduhan sengaja mendatangkan cedera ke atas penjaga gol hoki Perak Mohd Jaafar Selvaraja Vello dengan bayaran gantirugi Rm1,000.

Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mempengerusikan Mesyuarat Khas Majlis Tertinggi parti di sini, hari ini berkata, UMNO tidak membantah keputusan mahkamah itu kerana ia dilakukan mengikut undang-undang.

"Kita tidak ada apa-apa objection, terpulang kepada mahkamah untuk membuat keputusan," katanya semasa diminta mengulas keputusan Mahkamah Majistret itu membebaskan Tunku Abdul Majid.

Hakim Mahkamah Tengah Abdul Rahman Abdul, yang bertindak selaku Majistret, membebaskan Tunku Abdul Majid setelah Mohd Jaafar membuat pengakuan didepannya untuk memohon kes itu diselesaikan dengan bayaran gantirugi Rm1,000. -- Lagi.

▼26/01/20-42MST

CNS1891

U PB 26-01 00074 BH048

BAH

Mahathir - Mahkamah 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, UMNO tidak akan bersetuju jika mahkamah memberi kekebalan kepada seorang anak raja yang melakukan sesuatu yang menyalahi undang-undang.

"Tetapi setelah dihadapkan ke mahkamah dan mahkamah akan bertindak seperti biasa dan kepada orang ramai pun boleh bertindak demikian, jadi kita tidak ada apa komen terhadap perakara ini.

"Kita terpaksa menaruh kepercayaan kepada mahkamah," katanya. -- Bernama.

▼26/01/20-48MST